

29 JUL 1998

MENTERI LUAR CHINA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Luar China Tang Jiaxuan akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai Jumaat ini.

Tang, yang membuat lawatan itu atas jemputan rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan ke sini dari Manila selepas menghadiri Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMS) Asean dan Forum Serantau Asean (ARF) di sana.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, kedua-dua menteri luar itu akan mengadakan perbincangan dua hala dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-siu serantau dan antarabangsa.

Tang juga akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau dijadualkan melawat Cyberjaya dan mendengar taklimat mengenai pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

-- BERNAMA

MNY NAK